



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK (GPJP) UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

(TAHUN 2023)

Nama Garis Panduan : Garis Panduan Geran Penyelidikan Jangka Pendek (GPJP)	
No. Daftar	: UPNM(TNCPI) 14.04/01 Jilid 2 (4)
Diluluskan oleh	: Lembaga Pengurusan Universiti
Tarikh Kuat Kuasa	: 2 Januari 2024

SENARAI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 (PENGENALAN)

1.1 Latar Belakang	1
1.2 Skop	1
1.3 Tujuan	1
1.4 Objektif	1
1.5 Takrifan	1
1.6 Dokumen Berkaitan	2

BAHAGIAN 2 (PERMOHONAN)

2.1 Syarat Am Permohonan	3
2.2 Bidang Keutaman Penyelidikan	4
2.3 Tempoh Penyelidikan	7
2.4 Siling Peruntukan	7
2.5 Hasil Penyelidikan	7

BAHAGIAN 3 (PENILAIAN)

3.1 Penilaian Permohonan	9
3.2 Kriteria Penilaian	10

BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)

4.1 Pelaksanaan Penyelidikan	11
4.2 Pemantauan Projek	11

BAHAGIAN 5 (PERATURAN KEWANGAN)

5.1 Kod Perbelanjaan	12
5.2 Penggunaan Peruntukan	13

BAHAGIAN 6 (KEPUTUSAN)

6.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	14
6.2 Dokumen Aku Janji	14

LAMPIRAN

Carta Alir Permohonan	15
Carta Alir Pemantauan	16

TARIKH KUAT KUASA

PEMAKAIAN

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

Sebagai sebuah negara yang beraspirasi untuk menjadi negara maju, Malaysia perlu menyuburkan budaya penyelidikan. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) turut menyambut seruan ini maka dana khusus diwujudkan bagi memungkinkan pembentukan budaya penyelidikan di UPNM. Falsafah Geran Penyelidikan Jangka Pendek (GPJP) adalah untuk menggalakkan penyelidikan agar dapat menjana ilmu baharu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baharu dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara.

1.2 SKOP

Dokumen Garis Panduan Geran Penyelidikan Jangka Pendek (GPJP) yang disediakan hendaklah dipatuhi oleh semua kakitangan UPNM bagi permohonan geran penyelidikan di bawah Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (BPI).

1.3 TUJUAN

GPJP bertujuan untuk menggalakkan penerokaan idea / konsep / teori baru / penemuan baru dan memberi pendedahan berkenaan penyelidikan kepada warga UPNM.

1.4 OBJEKTIF

1.4.1 Tujuan utama kewujudan geran ini adalah untuk membantu Penyelidik UPNM dalam menjalankan projek Pembangunan, Penyelidikan, Pengkomersialan dan Inovasi (RDCI).

1.4.2 Mempertingkatkan mutu, prestasi dan bilangan projek Pembangunan, Penyelidikan, Pengkomersialan dan Inovasi (RDCI) di UPNM.

1.4.3 GPJP UPNM merupakan penyelidikan yang dilakukan dalam jangka masa yang ditetapkan dengan kos yang minimum.

1.5 TAKRIFAN

1.5.1. Aku Janji

Aku Janji adalah dokumen yang ditandatangani bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan oleh UPNM.

- 1.5.2. Fasa
Siri penawaran geran penyelidikan
- 1.5.3. Felo Penyelidik
Penyelidik yang dilantik di kalangan ahli akademik bagi mendapatkan kepakaran dan pengalaman untuk memantapkan penyelidikan di UPNM
- 1.5.4. Ketua Penyelidik
Individu yang mengetuai dan menyelia sesebuah projek atau aktiviti penyelidikan
- 1.5.5. Ketua Penyelidik Seterusnya
Pengganti Ketua Penyelidik yang dicalonkan di dalam kertas cadangan penyelidikan (*proposal*)
- 1.5.6. Penyelidik
Individu yang menjalankan aktiviti penyelidikan.
- 1.5.7. Tempoh Penghantaran
Tempoh masa di mana sesuatu penerbitan dihantar namun masih dalam proses semakan untuk diterima
- 1.5.8. TNCPI
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- 1.5.9. Universiti
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

1.6 DOKUMEN BERKAITAN

Dokumen yang dirujuk sama adalah seperti berikut:

- a) Dasar dan Garis Panduan Penyelidikan
- b) Pekeliling Perbendaharaan
- c) Dokumen Tadbir Urus Dana Penyelidikan KPT
- d) Glosari *Malaysia Research Assessment* (MyRA)
- e) *Malaysia Code of Responsible Conduct in Research* (MCRCR)

BAHAGIAN 2

PERMOHONAN

Pihak BPI akan memaklumkan pembukaan tarikh permohonan geran GPJP melalui surat rasmi kepada Fakulti / Pusat / Jabatan / Bahagian (FPJB). Pihak BPI membuat hebahan pembukaan permohonan dan melaksanakan penilaian permohonan.

2.1 SYARAT AM PERMOHONAN

Geran ini **terbuka kepada semua kakitangan sepenuh masa UPNM** dengan syarat-syarat berikut:-

- 2.1.1 Pemohon merupakan seorang bertaraf warganegara Malaysia yang berstatus tetap / kontrak diwajibkan mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama bertaraf warganegara Malaysia berstatus tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan dari UPNM sebagai Ketua Penyelidik Seterusnya (*Next Appointed Leader*).
- 2.1.2 Bagi pemohon bertaraf bukan warganegara Malaysia berstatus tetap / kontrak diwajibkan mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama bertaraf warganegara Malaysia berstatus tetap dalam bidang kepakaran yang berkaitan dan dari UPNM sebagai Ketua Penyelidik Seterusnya (*Next Appointed Leader*).
- 2.1.3 Pemohon telah memohon geran penyelidikan luar sebagai Ketua Penyelidik namun tidak berjaya dan tidak mempunyai geran penyelidikan yang masih aktif. Namun bagi pemohon yang mempunyai pengalaman sebagai ahli akademik tidak melebihi lima (5) tahun adalah layak untuk dipertimbangkan.
- 2.1.4 Felo Penyelidik bertaraf warganegara Malaysia sepenuh masa dengan tempoh kontrak perkhidmatan tidak kurang daripada satu (1) tahun daripada tarikh tutup permohonan GPJP semasa adalah dibenarkan untuk memohon geran sebagai Ketua Penyelidik. Walau bagaimanapun, permohonan ini mesti mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama bertaraf warganegara Malaysia berstatus tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan dari UPNM sebagai Ketua Penyelidik Seterusnya (*Next Appointed Leader*).
- 2.1.5 Permohonan baharu bagi mereka yang telah diluluskan GPJP pada fasa yang terdahulu akan diberi pertimbangan dengan bukti projek-projek tersebut telah selesai dan disahkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI).
- 2.1.6 Ketua Penyelidik di bawah geran KPT / geran luar / geran dalaman yang telah menyelesaikan urusan penutupan geran, menghantar laporan akhir dan mencapai KPI penerbitan yang ditetapkan oleh Universiti boleh

dipertimbangkan selepas disahkan oleh PPPI. Penerbitan yang masih dalam tempoh penghantaran tidak akan dikira dan tidak dipertimbangkan untuk penawaran GPJP.

- 2.1.7 Kakitangan akademik yang bercuti belajar dan bercuti sabbatical (dalam dan luar negara melebihi tempoh 6 bulan dari tarikh tutup permohonan) tidak dibenarkan membuat permohonan baharu sebagai Ketua Penyelidik. Walau bagaimanapun, kakitangan akademik tersebut boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan di dalam GPJP. Maklumat berkaitan tempoh cuti belajar / cuti sabbatical perlu dikemaskini oleh penyelidik dan disahkan oleh PPPI.
- 2.1.8 Pemohon digalakkan untuk berkolaborasi dengan pihak industri / agensi yang berkaitan bagi melaksanakan projek penyelidikan tersebut (bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat niat (*letter of intent*) dan lain-lain dokumen yang berkaitan).
- 2.1.9 Setiap pemohon hanya dibenarkan untuk mengemukakan satu (1) permohonan projek sahaja pada setiap fasa. Permohonan GPJP perlu dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Geran Penyelidikan Jangka Pendek.
- 2.1.10 Tempoh perkhidmatan pemohon mestilah berbaki **sekurang-kurangnya satu (1) tahun** mulai daripada tarikh tutup permohonan GPJP.
- 2.1.1 Semua permohonan hendaklah dinilai dan diperakukan di peringkat FPJB masing-masing sebelum dimajukan ke PPPI.
- 2.1.2 Pemohon perlu mematuhi perkara-perkara yang telah dinyatakan dalam "*Malaysia Code of Responsible Conduct in Research*" (MCRCR) seperti di pautan <http://www.might.org.my/download/the-malaysian-code-of-responsible-conduct-in-research/>.

2.2 BIDANG KEUTAMAAN PENYELIDIKAN

(Penilaian bagi permohonan geran penyelidikan ini adalah berdasarkan kepada Domain Penyelidikan)

2.2.1 Domain Penyelidikan (*Research Domain*)

Setiap permohonan hendaklah **memenuhi salah satu (1)** daripada sembilan (9) Domain Penyelidikan seperti berikut:-

- (a) Sains Tulen dan Gunaan (*Pure and Applied Sciences*);
- (b) Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*);
- (c) Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical and Health Sciences*);
- (d) Sains Sosial (*Social Sciences*);
- (e) Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*);
- (f) Warisan Alam dan Budaya (*Natural and Cultural Heritage*);

- (g) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*);
- (h) Sains Sukan (*Sport Science*);
- (i) Pengajaran dan Pembelajaran (*Teaching and Learning*).

2.2.2 Kluster Penyelidikan (**Research Cluster**)

Setiap permohonan hendaklah **memenuhi salah satu (1)** daripada lapan (8) Kluster Penyelidikan seperti berikut:-

- (a) Sekuriti dan Keselamatan Makanan (*Food Safety and Security*);
- (b) Infrastruktur Asas (*Basic Infrastructure*);
- (c) Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (*Climate Change and Environment*);
- (d) Kesihatan (*Health*);
- (e) Pendidikan dan Masyarakat Madani Celik Ilmu (*Education and Knowledgeable Civil Society*);
- (f) Keselamatan Negara (*National Security*);
- (g) Kesejahteraan Sosial dan Ekonomi (*Social and Economic Wellbeing*);
- (h) Teknologi Terkehadapan dan Pembuatan Termaju (*Frontier Technologies and Advanced Manufacturing*).

2.2.3 Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (**MySTIE - Malaysian Science, Technology, Innovation and Economy**)

Setiap permohonan hendaklah **memenuhi salah satu (1)** daripada sepuluh (10) Pemacu Sosioekonomi seperti berikut:-

- (a) Tenaga (*Energy*);
- (b) Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (*Business and Financial Services*);
- (c) Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (*Culture, Arts and Tourism*);
- (d) Perubatan dan Penjagaan Kesihatan (*Medical and Healthcare*);
- (e) Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baharu) (*Smart Technology and Systems (Next Generation Engineering and Manufacturing)*);
- (f) Bandar Pintar dan Pengangkutan (*Smart Cities and Transportation*);
- (g) Air dan Makanan (*Water and Food*);
- (h) Pertanian dan Perhutanan (*Agriculture and Forestry*);
- (i) Pendidikan (*Education*);
- (j) Alam Sekitar dan Biodiversiti (*Environment and Biodiversity*).

2.2.4 Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (**SPV 2030 - Shared Prosperity Vision 2030**)

Setiap permohonan hendaklah **memenuhi salah satu (1)** daripada 15 Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA - *Key Economic Growth Activities*) seperti berikut:-

- (a) KEGA 1 - Hub Kewangan Islam 2.0 (*Islamic Finance Hub 2.0*);
- (b) KEGA 2 - Ekonomi Digital (*Digital Economy*);
- (c) KEGA 3 - Revolusi Perindustrian Keempat (*Industrial Revolution 4.0*);
- (d) KEGA 4 - Industri kandungan (*Content Industry*);
- (e) KEGA 5 - Hub ASEAN (*ASEAN Hub*);
- (f) KEGA 6 - Hub Halal dan Makanan (*Halal and Food Hub*);
- (g) KEGA 7 - Komoditi Malaysia 2.0 (*Commodity Malaysia 2.0*);
- (h) KEGA 8 - Pengangkutan, Logistik dan Mobiliti Lestari (*Logistic, Transportation and Sustainable Mobility*);
- (i) KEGA 9 - Ekonomi Pesisiran dan Maritim (*Coastal and Maritime Economy*);
- (j) KEGA 10 - Pusat Kecemerlangan (*Centres of Excellence*);
- (k) KEGA 11 - Tenaga Boleh Baharu (*Renewable Energy*);
- (l) KEGA 12 - Ekonomi Hijau (*Green Economy*);
- (m) KEGA 13 - Pertanian Pintar dan Bernilai Tinggi (*Smart and High Value Agriculture*);
- (n) KEGA 14 - Perkhidmatan Termaju dan Moden (*Advanced and Modern Services*);
- (o) KEGA 15 - Malaysia Truly Asia (*Malaysia Truly Asia*).

2.2.5 **Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs – Sustainable Development Goals)**

Setiap permohonan hendaklah **memenuhi salah satu (1)** daripada 18 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) seperti berikut:-

- (a) SDG 1 - Tiada Kemiskinan (*No Poverty*);
- (b) SDG 2 - Kelaparan Sifar (*Zero Hunger*);
- (c) SDG 3 - Kesihatan Baik dan Kesejahteraan (*Good Health and Well-being*);
- (d) SDG 4 - Pendidikan Berkualiti (*Quality Education*);
- (e) SDG 5 - Kesaksamaan Gender (*Gender Equality*);
- (f) SDG 6 - Air Bersih dan Sanitasi (*Clean Water and Sanitation*);
- (g) SDG 7 - Tenaga Berpatutan dan Bersih (*Affordable and Clean Energy*);
- (h) SDG 8 - Pekerjaan Yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi (*Decent Work and Economic Growth*);
- (i) SDG 9 - Industri, Inovasi dan Infrastruktur (*Industry, Innovation and Infrastructure*);
- (j) SDG 10 - Mengurangkan Ketidaksamaan (*Reduced Inequalities*);
- (k) SDG 11 - Bandar dan Masyarakat Mampan (*Sustainable Cities and Communities*);
- (l) SDG 12 - Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab (*Responsible Consumption and Production*);

- (m) SDG 13 - Tindakan Terhadap Iklim (*Climate Action*);
- (n) SDG 14 - Kehidupan dalam Air (*Life below Water*);
- (o) SDG 15 - Kehidupan di Darat (*Life on Land*);
- (p) SDG 16 - Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh (*Peace, Justice and Strong Institutions*);
- (q) SDG 17 - Kerjasama demi Matlamat (*Partnerships for the Goals*);
- (r) Others - Kebahagiaan dan Keharmonian Masyarakat (*Societal Harmony and Happiness*).

2.3 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah **maksimum dua (2) tahun** sahaja.

2.4 SILING PERUNTUKAN

Peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi jumlah siling semasa yang ditetapkan oleh pihak JPIU pada tempoh masa peruntukan dipohon. Kadar bayaran peruntukan untuk setiap permohonan akan ditentukan dan diluluskan oleh pihak JPIU sepenuhnya.

2.5 HASIL PENYELIDIKAN

2.5.1 Penerbitan

- (a) Semua penyelidik hendaklah menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan artikel dalam jurnal terindeks (WoS / Scopus / ERA / MyCITE). Namun begitu, TNCPI boleh menentukan hasil penyelidikan yang bersesuaian mengikut projek yang dibiayai.
- (b) Penghasilan artikel dalam jurnal terindeks bersama pihak industri sebagai penulis bersama (*co-author*) adalah digalakkan.
- (c) Penghargaan kepada geran GPJP, UPNM mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan. Sekiranya penghargaan tidak dinyatakan, penerbitan tersebut tidak dikira sebagai *output* bagi geran penyelidikan tersebut.

2.5.2 Harta Intelek

- (a) Bagi projek yang dibiayai oleh geran GPJP, penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran harta intelek di dalam negara terlebih dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Hak, pemilikan dan kepentingan dalam Harta intelek yang dihasilkan daripada geran GPJP adalah menjadi hak milik UPNM.

2.5.3 Hasil Pengkomersialan

- (a) Hasil pengkomersialan dari projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran GPJP dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumber lain bagi projek tersebut.
- (b) Hasil pengkomersialan perlulah diagihkan mengikut Polisi

Pengkomersialan UPNM sedia ada.

BAHAGIAN 3

PENILAIAN

3.1 PENILAIAN PERMOHONAN

3.1.1 Penilaian Permohonan Peringkat FPJB

- (a) Penilaian perlu dilaksanakan di peringkat FPJB. Permohonan yang diperakukan oleh FPJB perlu dimajukan kepada PPPI untuk penilaian peringkat Universiti melalui Jawatankuasa Kluster Penyelidikan UPNM.
- (b) Panel penilai di peringkat FPJB (mengikut lantikan Dekan/Pengarah) perlu meneliti kertas cadangan penyelidikan (*proposal*) yang dikemukakan mengikut kriteria penilaian yang ditetapkan seperti berikut:
 - i. Panel penilai yang dilantik mestilah pakar dalam bidang yang dipohon.
 - ii. Setiap kertas cadangan penyelidikan (*proposal*) perlu dinilai oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang panel penilai.
 - iii. Penilaian perlu berpandukan **syarat permohonan dan peraturan kewangan** panduan ini.
 - iv. Sekiranya terdapat keperluan untuk menambahbaik kertas cadangan penyelidikan (*proposal*), **FPJB perlu memulangkan** kertas cadangan penyelidikan (*proposal*) tersebut kepada penyelidik untuk ditambahbaik.
 - v. Sekiranya terdapat percanggahan keputusan antara panel pertama dan panel kedua, **panel ketiga perlu dilantik**. Keputusan panel ketiga tersebut adalah **penentu sama ada** kertas cadangan penyelidikan tersebut boleh diperaku oleh FPJB.
- (c) Perakuan FPJB perlulah berdasarkan syor dan perakuan panel penilai yang dilantik.
- (d) Pihak FPJB bertanggungjawab untuk memastikan Ketua Penyelidik yang memohon geran GPJP masih kekal berkhidmat di universiti sebelum permohonan geran penyelidikan dikemukakan. Kakitangan akademik yang sedang merancang untuk cuti belajar / cuti sabbatical / berpindah / dipinjamkan ke Institusi lain perlu diberikan perhatian / nasihat oleh pihak FPJB jika merancang untuk mengemukakan permohonan. Ketua Penyelidik bertanggungjawab sepenuhnya dalam membuat permohonan dan menjalankan penyelidikan sebagaimana yang diluluskan dalam kertas cadangan penyelidikan.

3.1.2 Penilaian Permohonan Peringkat Universiti

- (a) Permohonan GPJP akan dinilai oleh Jawatankuasa Kluster Penyelidikan UPNM **mengikut domain penyelidikan** yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Ketua Domain / Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang panel penilai/ahli jawatankuasa yang pakar dalam domain penyelidikan masing-masing.
- (b) Ketua Domain / Pengerusi akan mencadangkan perakuan bagi projek-

projek yang telah dinilai kepada BPI. Jawatankuasa ini akan memperakukan dan seterusnya kemukakan ke Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti (JPIU) untuk kelulusan.

3.2 KRITERIA PENILAIAN

- 3.2.1 Cadangan penyelidikan yang dipohon mestilah memenuhi kriteria berikut:-
- (a) Penyelidikan yang dipohon hendaklah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea / teori / konsep / kaedah / model / proses baharu; dan
 - (b) Penyelidikan yang mampu menambahbaik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada; atau
 - (c) Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau
 - (d) Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

BAHAGIAN 4

PEMANTAUAN

4.1 PELAKSANAAN PENYELIDIKAN

Projek penyelidikan perlu dilaksanakan bermula pada tarikh yang ditetapkan. Projek perlu dilaksanakan mengikut kertas cadangan penyelidikan (*proposal*) yang telah diluluskan oleh JPIU. Pihak penyelidik perlu mematuhi peraturan dan syarat GPJP.

4.2 PEMANTAUAN PROJEK

Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek penyelidikan adalah di bawah tanggungjawab PPPI.

4.2.1 Pemantauan Berjadual

Setiap projek penyelidikan tertakluk kepada pemantauan berjadual sepanjang tempoh projek aktif. Penghantaran laporan prestasi kepada PPPI dilaksanakan setiap enam (6) bulan menggunakan format Borang Laporan Kemajuan Projek GPJP. Borang tersebut perlu dilengkapi oleh Ketua Penyelidik dan dimajukan kepada PPPI. Pemantauan ini termasuk pembentangan kolokium di peringkat PPPI.

4.2.2 Pemantauan Tidak Berjadual

Setiap projek penyelidikan juga tertakluk kepada pemantauan tidak berjadual mengikut keperluan PPPI.

4.2.3 Laporan Akhir Projek

Ketua Penyelidik perlu melengkapkan Laporan Akhir Projek dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek atau tarikh projek ditamatkan. Laporan ini mestilah berdasarkan kepada hasil penyelidikan dari projek GPJP yang diluluskan. Laporan Akhir hendaklah mengikut format yang ditetapkan oleh PPPI.

BAHAGIAN 5

PERATURAN KEWANGAN

5.1 KOD PERBELANJAAN

Peruntukan GPJP boleh digunakan untuk apa-apa perolehan dan perbelanjaan yang menepati kod berikut:

5.1.1 Vot 21000 – Perjalanan, Pengangkutan dan Sara Hidup

Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan, pengangkutan domestik dan sara hidup yang berkaitan dengan projek dalam satu tempoh yang tertentu semasa menjalankan kajian / kerja lapangan.

5.1.2 Vot 24000 – Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Setiap cadangan perlulah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.

5.1.3 Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Setiap pembelian bekalan / bahan penyelidikan perlulah disertakan sebut harga yang berkaitan seperti ditetapkan oleh Peraturan Kewangan Universiti.

5.1.4 Vot 28000 – Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

5.1.5 Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk yuran kursus / bengkel, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

5.1.6 Vot 35000 – Aksesori dan Peralatan

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan sebut

harga yang berkaitan.

5.2 PENGGUNAAN PERUNTUKAN

- 5.2.1 Penyelidik **tidak dibenarkan** untuk menggunakan peruntukan geran bagi membuat pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. Pembelian yang **tidak dibenarkan** adalah seperti berikut:-
- (a) Pembayaran yuran persidangan.
 - (b) Pembelian bahan rujukan dan seumpamanya.
 - (c) Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit / komputer riba / mesin pencetak dan seumpamanya).
 - (d) Pembayaran bil utiliti / telekomunikasi.
 - (e) Pembelian peralatan pejabat (seperti alat tulis / kertas / meja / kerusi dan seumpamanya).
 - (f) Pembayaran sewaan ruang / fasiliti di UPNM.
 - (g) Pembayaran pemfailan harta intelek dan seumpamanya.
 - (h) Lain-lain pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.
- 5.2.2 Namun begitu, bagi projek penyelidikan yang memerlukan perolehan mana-mana perkara yang tidak dibenarkan di perenggan 5.2.1, penyelidik boleh mengemukakan justifikasi terperinci keperluan tersebut kepada PPPI. Ini hendaklah dilakukan sebelum borang permohonan dikemukakan.

BAHAGIAN 6

KEPUTUSAN

6.1 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN


6.1.1 Surat rasmi pemakluman keputusan akan dikemukakan kepada semua pemohon yang dinilai di peringkat PPPI. Salinan pemakluman akan dimajukan kepada FPJB.

6.1.2 Keputusan JPIU adalah muktamad.

6.2 DOKUMEN AKU JANJI


Pemohon dan setiap penyelidik yang terlibat diwajibkan untuk menandatangani dokumen Aku Janji dengan pihak UPNM.

LAMPIRAN – CARTA ALIR PERMOHONAN GPJP



Rajah 1: Carta Alir Permohonan GPJP

LAMPIRAN – CARTA ALIR PEMANTAUAN GPJP



Rajah 2: Carta Alir Pemantauan GPJP

Rekod Kelulusan		Kelulusan Kajian Semula
LPU	Bil. 4/2023 – 22 Novemver 2023	
EXCO	Bil. 4/2023 – 2 Novemver 2023	
Senat		
JPIU	Bil. 1/2023 – 29 Mac 2023	